



1. JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI KAKITANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGANAN
BAHAGIAN	: III
TANGGAGAJI	: C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pentadbiran / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan II / Penolong Pegawai Kerja atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PEGAWAI KAKITANGAN :

1. Menguruskan pembayaran elauan seberang laut bagi krew penerbangan dan pembayaran insuran kenderaan.
2. Menyediakan manifest penumpang bagi orang-orang kenamaan, krew penerbangan dan lain-lain.
3. Berhubung dengan kakitangan pesawat semasa keberangkatan atau penerbangan pemeliharaan pesawat di luar negeri.
4. Menguruskan hal ehwal pentadbiran dengan Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Buruh bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan-Jabatan berkenaan.



5. Menentukan polisi-polisi pentadbiran yang diarahkan oleh Pengarah Penerbangan KDYMM dilaksanakan dengan teratur dan efektif.
6. Mengemaskinikan organisasi dan keperluan kekuatan tenaga buruh.
7. Mengeluarkan hukuman-hukuman dan garis pandu untuk rujukan tugas dan tanggungjawab kakitangan.
8. Merancang keperluan semasa Bahagian Buruh Penerbangan KDYMM.